



KENYATAAN MEDIA

NAIB Pengerusi FOSBAM Didakwa, Hilang Kelayakan Pegang Jawatan

KUALA LUMPUR, 22 April – Seorang pemegang jawatan kanan dalam Persekutuan Pertubuhan Penjual Alat Tulis dan Buku Malaysia (FOSBAM) telah didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas kesalahan di bawah Seksyen 9A(1)(b), Akta Pertubuhan 1966 berhubung kehilangan kelayakan untuk memegang jawatan dalam sesebuah pertubuhan.

Kes ini bermula susulan satu laporan yang diterima pada 8 April 2026, berkaitan tindakan Naib Pengerusi pertubuhan tersebut, Heng Hua Kian, yang didapati masih memegang jawatan walaupun telah disabitkan kesalahan di mahkamah sebelum ini.

Suspek telah ditahan di Butterworth, Pulau Pinang pada 21 April 2026 sebelum dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada 22 April 2026. Dalam prosiding tersebut, tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikenakan. Mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,500 ke atas tertuduh.

Kes ini menjadi peringatan jelas mengenai kepentingan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, khususnya dalam aspek kelayakan individu memegang jawatan dalam pertubuhan, selaras dengan prinsip tadbir urus yang telus, berakauntabiliti dan berintegriti.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
22 APRIL 2026**

-TAMAT-